



Syria gagalkan serangan Israel

BERITA HARIAN 17/10/18 ms H7

► Tembakan peluru berpandu asar lapangan terbang Damasyik

Syria menghalang serangan peluru berpandu Israel terhadap Lapangan Terbang Antarabangsa Damasyik yang menyasarkan sebuah depoh senjata berdekatan kawasan itu lewat kelmartin.

Sistem pertahanan Syria yang diaktifkan berjaya menembak jatuh beberapa peluru berpandu itu, lapor agensi berita rasmi SANA.

"Sistem pertahanan udara kami memberi respon kepada serangan terhadap Lapangan Terbang Antarabangsa Damasyik dan berjaya menembak jatuh beberapa peluru berpandu," kata sumber tentera dipetik SANA.

Tanpa memberi maklumat lanjut mengenai angka korban, cedera atau kerosakan, agensi itu menyiarkan rakaman dan imej per-

tahanan udara yang diaktifkan. Dalam satu video, satu cahaya terang disebabkan letupan dilihat di ruang udara tidak jauh dari ibu negara Syria.

Wartawan agensi berita di sini mendengar satu letupan kuat disusuli beberapa letupan lebih kecil. Tentera Israel enggan memberi ulasan kejadian itu.

Gudang senjata jadi sasaran Pemerintah perang berpejabat di Britain, Pemantau Syria bagi Hak Asasi Manusia (SOHR) mendakwa serangan itu mengenai sebuah depoh senjata di luar lapangan terbang.

"Peluru berpandu dipercayai dari Israel memusnahkan sebuah gudang senjata dekat Lapangan Terbang Antarabangsa Damasyik," kata ketua SOHR, Rami Abdel Rahman yang tidak memberitahu

butir-butir lanjut kesan serangan itu.

Israel berikrar menghalang musuh ketatnya, Iran yang juga penyokong utama kerajaan Syria, daripada bergerak bebas di negara jirannya itu yang dilanda konflik bersenjata.

Awal bulan ini, Israel mengakui telah melancarkan lebih 200 serangan udara ke atas Syria sejak 18 bulan lalu, kebanyakannya terhadap sasaran Iran.

Ia juga mengakui menyerang Syria atas dakwaan untuk menghalang penghantaran senjata baru kepada Hizbullah di Lubnan, pergerakan yang disokong Iran dan membantu askar Syria.

Serangan terakhir Israel ke atas Syria berlaku pada 4 September lalu apabila media negara itu menyatakan pertahanan udara

nya menembak jatuh beberapa peluru berpandu di wilayah dekat laut Tartus dan wilayah tengah, Hama.

Ilawan semula wilayah

SOHR juga melaporkan serangan berkenaan yang didakwa membunuh tiga askar Syria.

Konflik Syria meletus pada 2011 dan telah membunuh lebih 360,000 orang manakala berjuta-juta lagi kehilangan tempat tinggal dan menjadi pelarian di negara berdekatan.

Selepas kehilangan banyak kawasan kepada pemberontak, askar kerajaan Syria pimpinan Presiden Bashar al-Assad telah menawan semula dua pertiga wilayahnya dengan bantuan Russia, Iran, Iraq, Lubnan serta pejuang negara lain.

AFP